

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MANHAJ WASAATIYAH APPLICATION ON SYNCRETISM PHENOMENON IN THE CUSTOM OF BAJAU COMMUNITY IN SEMPORNA SABAH DISTRICT]

APLIKASI MANHAJ WASATIYYAH TERHADAP FENOMENA SINKRETISME DALAM ADAT MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH SEMPORNA SABAH

SYAMSUL AZIZUL MARINSAH^{1*}

MOHD ANUAR RAMLI¹

KHAIRUL AZHAR MEERANGANI²

¹Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

¹Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

²Akademi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Melaka.

*Corresponding author: syamsulazizul87@gmail.com

Received Date: 7 January 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

Abstract

The State of Sabah is consist of multiethnic society in which each of the ethnics has cultural uniqueness that differs from one another. The acceptance of Islam caused an assimilation between the Bajaus traditions and Islamic teaching which then led to syncretism. Consequently, some of the practices are regarded as a part of Islamic teachings even though, these practices are actually inherited from their ancestors unrelated to Islamic rules provided in the al-Qur'an and prophetic traditions. The purpose of this study is to discuss the phenomenon of syncretism in their life cycle. Yet, the objective of this study is attempts to analyze the application of the wasatiyyah methodology in dealing with the phenomenon of syncretism. Accordingly, this is a qualitative study which adopts interviews and data analyze. The findings of the study shows that syncretism occurred among the Bajau community. Moreover, in dealing of syncretism between tradition and the teachings of Islam, emerged two groups took a different approach to this issue. The first group are those who seek to practice Islam careful and condemn the heretical doctrine (bidaah) of the Bajau community practices that are not aligned with al-Quran and al-Sunnah. The second group are those who can accept the syncretism as a whole. Therefore, the methodology of wasatiyyah should be applied in dealing with the phenomenon to ensure a balance between idealism embodied in Islamic law with the reality of its implementation in the Bajau community.

Keywords: Manhaj Wasatiyyah, Syncretism, Urf, Bajau, Semporna

Abstrak

Negeri Sabah mempunyai sebuah masyarakat majmuk yang dilatari dengan keunikan dan perbezaan budaya yang tersendiri dengan masyarakat lain. Pertembungan budaya dan kepercayaan agama telah melahirkan satu entiti *hybrid* yang menarik dan dikenali dalam khazanah disiplin ilmu fiqh budaya atau ilmu antropologi sebagai sinkretisme. Objektif kajian ini cuba membincangkan fenomena sinkretisme yang berlaku dalam amalan masyarakat Bajau di Semporna Sabah merangkumi aspek kepercayaan tradisi hingga adat kematian. Selain itu, objektif kajian ini cuba mengkaji dan menganalisis aplikasi *manhaj wasatiyyah* dalam menangani fenomena sinkretisme tersebut. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati, terdapat banyak gejala sinkretisme yang berlaku dalam adat resam masyarakat Bajau yang sukar diketahui sama ada adat resam tersebut merupakan ajaran Islam yang tulen atau peninggalan tradisi silam pra-Islam. Selain itu, dalam menghadapi sinkretisme antara adat tradisi dengan ajaran Islam, muncul dua kelompok yang mengambil pendekatan berbeza dalam isu ini. Kelompok pertama adalah golongan yang berusaha untuk mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dan menghukumkan bidaah segala amalan masyarakat Bajau yang tidak sejajar dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kelompok kedua pula adalah golongan yang dapat menerima sinkretisme secara keseluruhan. Oleh itu, *manhaj wasatiyyah* perlu diaplikasikan dalam menangani fenomena tersebut bagi memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti perlaksanaannya dalam masyarakat Bajau.

Kata kunci: Manhaj Wasatiyyah, Sinkretisme, Adat, Bajau, Semporna.

Cite as: Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Anuar Ramli, & Khairul Azhar Meerangani. 2018. Aplikasi Manhaj Wasatiyyah Terhadap Fenomena Sinkretisme Dalam Adat Masyarakat Bajau di Daerah Semporna Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 33-46.

PENDAHULUAN

Secara umumnya, orang Bajau merupakan salah satu kaum terbesar di Sabah. Berdasarkan kajian ilmiah yang pernah dijalankan oleh para sarjana, orang Bajau di Sabah boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok utama iaitu kelompok Bajau di Pantai Barat dan kelompok Bajau di Pantai Timur Sabah. Masyarakat Bajau di Pantai Barat terkenal sebagai petani dan nelayan di samping kemahiran menunggang kuda, manakala masyarakat Bajau di Pantai Timur Sabah terkenal sebagai nelayan dan penyelam yang mahir (Tregonning, 1964).

Secara makronya, ‘urf dan adat masyarakat Bajau di Sabah hampir sama dengan ‘urf dan adat orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Hal ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana kedua-dua etnik ini beragama Islam yang jelas memberi banyak pengaruh dan persamaan dalam penyelenggaraan adat dan budaya. Namun begitu, pemisahan dari sudut geografi dan pengaruh luar memperlihatkan wujudnya unsur perbezaan di antara kedua etnik ini (Saidatul Nornis, 2012). Orang Bajau kaya dengan adat tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang secara turun temurun hingga ke hari ini. Asimilasi orang Bajau dengan ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam. Akibat percampuran ini, ada antara amalan yang diwarisi itu dianggap sebagai ajaran Islam yang murni, sedangkan ia hanya amalan yang diwarisi dan tidak diketahui dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Rentetan daripada itu, pengamalan hukum ibadat dalam adat tradisi Bajau dalam kehidupan seharian telah bercampur-baur (sinkretis) dengan unsur-unsur luaran, khususnya hasil pengaruh daripada kepercayaan Bajau sebelum ini iaitu kepercayaan pra-Islam (Syamsul Azizul et al., 2016). Fenomena campur aduk amalan tradisi silam dengan ajaran Islam dikenali sebagai fenomena sinkretisme. Oleh itu, artikel ini merupakan kajian awal terhadap fenomena sinkretisme yang berlaku dalam ‘urf dan adat masyarakat Bajau di daerah Semporna Sabah. Dalam menghadapi fenomena sinkretisme dalam adat masyarakat Bajau Semporna, pengkaji menggunakan pendekatan *manhaj wasatiyyah* dalam menangani fenomena sinkretisme tersebut agar garis pemisah antara ajaran Islam dengan ajaran pra Islam dapat dibezakan, supaya pengamalan ibadah masyarakat Bajau selari dengan kehendak syarak.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH SEMPORA

Kajian ini dilaksanakan di daerah Semporna yang terletak di Pantai Timur Sabah. Menurut sejarah, istilah Semporna berasal daripada perkataan Simporne yang bermaksud tempat untuk berehat. Nama Simporne ini dipercayai diberikan oleh gabenor Inggeris, iaitu W.M Crocker apabila beliau dan beberapa orang rakannya menemui daerah tersebut pada pertengahan tahun 1887 (K.P Tabrett, 1999). Walau bagaimanapun, menurut Datuk Melali, sebelum wujudnya nama rasmi bagi daerah Semporna, rakyat tempatan pada ketika itu hanya mengenali Semporna sebagai Tong Talun yang bermaksud hujung hutan kerana daerah Semporna pada ketika itu dilitupi dengan hutan belantara di awal penemuannya (Datuk Melali, 2015). Daerah Semporna secara rasminya dibuka sebagai penempatan baharu oleh Syarikat Borneo Utara British (SBBU) pada 10 Mei 1887 (Md. Saffie. 2012). Berdasarkan profil daerah Semporna, daerah ini berkeluasan 442 batu persegi atau 111,412 hektar. Dari aspek geografi pula, daerah Semporna terletak di lokasi yang strategik kerana kedudukannya disempadani oleh dua persempadan perairan antarabangsa iaitu perairan Filipina dan Indonesia (Halina Sendera, 2007).

Dari aspek demografi pula, berdasarkan bancian penduduk 2000, majoriti penduduk Semporna terdiri daripada Bajau Laut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Walau bagaimanapun, menurut Harlina Sendera realitinya majoriti daripada populasi Bajau di daerah Semporna terdiri daripada bangsa Bajau Darat berdasarkan analisis tentang ciri-ciri pengklasifikasian yang pernah dikaji (Halina, 2007). Di samping itu, menurut laporan banci pada tahun 2010 terdapat sedikit perubahan populasi pertambahan penduduk Bajau di Semporna iaitu sebanyak 75, 889 orang. Selain etnik Bajau, penduduk Semporna juga terdiri daripada etnik lain seperti Kadazan (0.53%), Murut (0.04%), Melayu (3.10%), Cina (0.91%) dan bumiputera lain (6.29%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Dari sektor ekonomi pula, kebanyakan penduduk di sini terlibat dengan aktiviti pertanian (bagi penduduk yang berada di pekan Semporna dan sekitarnya) dan aktiviti perikanan dan laut (bagi penduduk yang berada di kepulauan). Di samping itu, sektor pelancongan juga menjadi nadi kepada ekonomi daerah Semporna kerana kedudukannya yang di kelilingi oleh pulau-pulau yang menjadi daya tarikan sebagai tempat pelancongan (Md.Saffie, 2012).

KONSEP SINKRETISME DAN KEPERCAYAAN AWAL BAJAU SEMPORNA

Kebanyakan masyarakat peribumi asalnya tidak mempunyai pegangan agama yang tertentu seperti hari ini melainkan kepercayaan tradisi yang diwarisi secara turun temurun yang diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang baharu. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa agama diterima baik dalam semua aspek kehidupan manusia, namun tidak bermakna kepercayaan tradisi ditinggalkan sama sekali (Syed Othman, 1998).

Secara tradisinya, asal usul amalan tradisi kepercayaan orang Bajau merupakan hasil daripada kepercayaan animisme seperti pemujaan dan kepercayaan kepada perkara-perkara tahuyl, ghaib, kuasa jin, sihir dan sebagainya (Eshah, 2012). Namun, pada hari ini kehidupan serta amalan beragama orang Bajau sudah mengalami banyak perubahan. Amalan-amalan animisme yang mendominasi kehidupan serta amalan beragama dan kepercayaan tradisi Bajau semakin terhakis akibat orang Bajau ramai yang memeluk agama Islam. Bahkan, orang Bajau yang mendiami Pantai Timur dan Pantai Barat di Sabah majoritinya adalah beragama Islam (Gusni, 2003). Biarpun secara umumnya adat-adat ini telah menerima perubahan yang telah diharmonisasikan dengan nilai-nilai agama Islam, namun begitu, masih terdapat beberapa amalan orang Bajau yang berhubung dengan kepercayaan tradisi yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Ini kemungkinan disebabkan amalan-amalan tradisi tersebut tidak menerima perubahan dan penyesuaian nilai-nilai agama Islam secara total atau menyeluruh. Dalam amalan tersebut, hakikatnya terdapat unsur sinkretisme iaitu konsep pembauran atau percampuran antara adat dan syariat yang boleh menjelaskan implikasi hukum terhadap adat itu sendiri.

Secara literal, sinkretisme di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *syncretism* yang berasal daripada perkataan Greek *synkretismos* yang bermaksud merangkaikan, menggabungkan dan menyatukan (William L. Reese, 1980). Secara terminologi, terdapat beberapa definisi sinkretisme yang diberikan oleh para sarjana. Antaranya Muhsin Adekunle Balogun mendefinisikan sinkretisme sebagai usaha untuk menyatukan atau mendamaikan ideologi-ideologi yang saling bertentangan dan bercanggah dalam pelbagai aliran pemikiran (Muhsin Adekunle Balogun, 20117). Cross F.L pula mendefinisikan sinkretisme sebagai “*the attempt to combine different or opposite doctrins and practices. Especially in reference to philosophical and religious system*” (Cross, F.L 1997). Sementara itu, Heddy Shri Ahimsa Putra mendefinisikan sinkretisme dengan pengertian yang lebih lengkap iaitu upaya untuk mengolah, menyatukan, mengkombinasikan dan menyelaraskan dua atau lebih sistem prinsip yang berlainan atau berlawanan sedemikian rupa hingga terbentuk sebuah sistem baru yang berbeza dengan prinsip-prinsip sebelumnya (Heddy, 1995). Dalam pengertian lain yang hampir sama, Niels Mulder mendefinisikan sinkretisme sebagai upaya untuk menenggelamkan pelbagai perbezaan dan akhirnya menghasilkan kesatuan di antara pelbagai aliran dan falsafah (Niels Mulder, 1999). Menurut Ros Aiza pula, beliau mencadangkan definisi khusus menggambarkan fenomena sinkretisme di Nusantara. Menurut beliau, sinkretisme boleh ditakrifkan sebagai “proses percampuran elemen Islam dan pra-Islam yang masih bercanggah dengan prinsip Tauhid dalam adat dan budaya agama yang diwarisi secara turun temurun dalam masyarakat (Ros Aiza, 2015).

Secara keseluruhan daripada gagasan definisi yang telah dikemukakan, sinkretisme dapat disimpulkan sebagai suatu bentuk campur aduk, gabung jalin dan penyatuan idea sama

ada dari sudut aliran, fahaman, prinsip, doktrin maupun praktik antara budaya dan falsafah pemikiran yang pelbagai dengan kecenderungan untuk mengharmonikan fahaman-fahaman tersebut (Syamsul, 2017). Dalam konteks masyarakat Bajau Semporna, sinkretisme yang berlaku adalah percampuran adat tradisi Bajau yang sebelum ini berpegang dengan fahaman animis dengan ajaran Islam. Dalam erti kata lain, sinkretisme yang berlaku adalah antara agama dan budaya Bajau. Jika fenomena sinkretisme ini berterusan, dikhawatir sukar dibezakan yang mana adat dan budaya ajaran Islam yang tulen menurut syariat atau ia merupakan hasil adaptasi dari ajaran agama lain.

KEMUNCULAN SINKRETISME DALAM MASYARAKAT BAJAU

Secara dasarnya, Islam yang berkembang di Sabah peringkat awalnya disebarluaskan oleh golongan sufi. Teori ini disokong dengan bukti pengislaman terawal yang berlaku di Sabah dan kesan-kesan sejarah peninggalan golongan sufi di kawasan ini (Muhiddin, 1990). Teori ini juga disokong oleh kenyataan pengkaji lain iaitu Mohd Yusof Jalil (1979) bahawa proses perkembangan agama Islam di Sabah adalah sama dengan proses perkembangan agama Islam di Asia Tenggara.

Pendekatan golongan sufi ini merupakan faktor utama masyarakat tempatan Sabah termasuk masyarakat Bajau mudah untuk menerima Islam. Sikap yang bertoleransi terhadap kebudayaan dan kepercayaan lama dibiarkan wujud kemudian diwarnai dengan ajaran-ajaran Islam adalah sikap yang menarik perhatian masyarakat tempatan yang sebelum itu menganut fahaman animis untuk memeluk agama Islam (Abdul Rahman, 1989). Selain itu, unsur-unsur kerohanian yang ditonjolkan oleh golongan sufi turut menarik perhatian masyarakat tempatan Sabah menerima agama Islam. Sebagaimana yang dimaklumi, masyarakat tempatan Sabah sebelum memeluk agama Islam adalah penganut fahaman animis. Masyarakat yang menganut fahaman animis mempunyai hubungan yang rapat dengan alam semula jadi dan amat mempercayai unsur-unsur yang ada kaitan dengan perkara ghaib, mistik, kejadian yang luar biasa dan sebagainya. Unsur-unsur kerohanian seumpama ini dikatakan mampu diperlihatkan oleh golongan sufi yang menyebabkan masyarakat tempatan pada ketika itu merasa kagum dan mudah untuk menerima agama Islam.

Sikap toleransi dan akomodatif golongan sufi dalam penyebaran Islam di Sabah di satu sudut kelihatan membawa impak negatif iaitu berlakunya proses sinkretisme antara kepercayaan lama masyarakat Bajau (animisme) dengan ajaran Islam sehingga sukar dibezakan yang mana ajaran Islam dan mana merupakan kesan kepercayaan tradisi. Namun dari sudut positifnya, ajaran- ajaran yang berlaku proses sinkretisme itu telah menjadi wadah yang menyebabkan masyarakat Bajau menerima agama Islam sebagai agama mereka yang baharu.

Justeru itu, fenomena sinkretisme dapat dilihat dengan jelas dalam kebudayaan masyarakat Bajau terutamanya dalam aspek budaya dan kepercayaan tradisi. Ini kerana golongan pendakwah awal yang menyampaikan dakwah di kalangan masyarakat Bajau tidak terus menghapuskan secara total amalan tradisi mereka tetapi mengekalkannya dengan mengharmoniskannya dengan ajaran-ajaran Islam. Namun begitu, sejauh mana pengharmonian tersebut berlaku perlu dikaji dan diselidiki agar agama Islam yang tulen dalam masyarakat Bajau tidak bercampur-baur dengan kepercayaan lama masyarakat Bajau yang boleh membawa kepada gejala syirik dan khurafat. Hakikatnya, unsur sinkretisme ini dapat dilihat dalam semua

adat Bajau Semporna bermula dari proses kelahiran hingga proses kematian. Namun begitu, unsur sinkretisme jelas kelihatan dalam ‘urf dan adat masyarakat Bajau Semporna khususnya dalam aspek kepercayaan tradisi.

KONSEP WASATIYYAH

Dari aspek etimologi, wasatiyyah berasal daripada kata dasar wasata, yang bermaksud bersederhana dalam suatu perkara (Mu’jam al-Wasit, 2004). Dalam kebanyakan penulisan, perkataan wasatiyyah membawa pelbagai makna dan tafsiran diantaranya, keadilan, kesederhanaan atau moderate, pertengahan, rasional, seimbang, istiqamah, *i’tidal*, tidak fanatic atau ekstrem, tidak taksub atau radikal dan melampau, tidak keterlaluan, dan *tasamuh* atau tolerasi (Abdullah, 2013). Dalam al-Qur'an al-Karim, terdapat banyak ayat yang menggunakan pendekatan berasaskan *wasatiyyah* antaranya istilah *wasatiyyah* yang merujuk kepada sikap adil, *wasatiyyah* dalam memberi makan orang miskin dalam kes kafarah, *wasatiyyah* dalam berinfaq, *wasatiyyah* dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat, *wasatiyyah* dalam bacaan solat dan seumpamanya (al-Hasan, 1987).

Dari sudut terminologi, *wasatiyyah* mempunyai pelbagai takrif dan definisi. Menurut al-Munawi (1990), *wasatiyyah* ialah persamaan nisbah sudut-sudut padanya adalah sama, dan ia merupakan sesuatu yang terpilih. Menurut beliau juga, apabila sesuatu perkara tergelincir daripada pertengahan, terjadilah kezaliman (ketidaksamaan) yang terjerumus dalam kesesatan daripada tujuan. Menurut Ahmad Umar Hashim (1998) pula, *wasatiyyah* ialah keseimbangan dan kesaksamaan antara dua pihak yang mana satu pihak tidak mendominasi pihak yang lain, tidak terlalu *rigid* (keras) dan tidak pula terlalu longgar, tidak melampau dan tidak mengabaikan, mengikut kepada yang paling utama, paling tepat, paling baik dan paling sempurna. Berdasarkan kedua-dua makna istilah yang diberikan oleh kedua-dua tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa *wasatiyyah* dari aspek terminologi membawa pengertian *al-i’tidal* (kesederhanaan), *al-khairiyah* (kebaikan), *al-inshaf* (keadilan) dan *ar-rif’ah* (ketinggian) dengan sebab sifat-sifat *mahmudah* (terpuji) dan tidak terlalu sempit (*ifrath*) dan tidak terlalu longgar (*tafrith*) (Zulkifli & Mohd Aizam, 2012).

Dalam penggunaan syarak pula, istilah *wasatiyyah* merujuk kepada kesederhanaan atau pertengahan iaitu keadilan dan kebaikan bukan gabungan dua perkara yang saling bertentangan. Ayat yang jelas menyebut kalimah *wasatiyyah* dalam al-Qur'an al-Karim seperti yang terdapat di dalam surah al-Baqarah ayat 143;

وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ
الَّتِي كُنْتُ عَلَيْهَا إِلَّا لِتَنْعَلِمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِنْ مَنْ يَنْقِلِبُ عَلَى عَقِيقَتِهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى
اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ^{٤٢}

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”.

Berdasarkan ayat di atas, *wasatan* bermaksud umat yang adil iaitu pertengahan di antara dua keadaan. Ia juga bermaksud kesederhanaan iaitu berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa terlalu *ifrat*, tidak *tafrir* dan tidak *ghuluw* (al-Khanin, t.t:7; al-Sya'rawi, 1997) menafsirkan *ummatan wasathan* dalam ayat di atas ialah mengambil *manhaj* pertengahan dalam iman dan akidah. Ia juga membawa makna mengambil jalan pertengahan diantara dua keadaan dengan melihat kepada dua pihak (tiada diskriminasi), bukan dari golongan ekstrem dalam agama. Sementara itu, Wahbah al-Zuhaily (1991) dalam tafsirnya *al-Munir* menghuraikan maksud *wasata* iaitu adil dan berada di tengah-tengah dalam semua perkara, dan tidak keterlaluan dalam perkara keduniaan dan akhirat, tidak pula melampau dalam urusan agama, tidak juga lalai dalam melaksanakan kewajipan, tidak terlalu kebendaan, dan terlalu memberatkan kerohanian; bahkan menghimpunkan kedua-dua urusan tersebut; ada hak bagi jasad dan hak bagi kerohanian dan tidak mengabaikan mana satu diantaranya iaitu berjalan selari dengan fitrah manusia iaitu roh dan jasad. *Wasatiyyah* juga merujuk kepada sifat adil iaitu antonim kepada sifat zalim (Mahmood Zuhdi, 2013). Al-Qaradhawi pula mengatakan bahawa *wasatiyyah* itu adalah adil, istiqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan juga kesatuan. Pada masa yang sama, menurut beliau *wasatiyyah* adalah sesuatu yang memerlukan hak yang sepatutnya iaitu dengan memberikan hak yang sewajarnya dengan mengambil jalan tengah agar tidak melampui batas syariat (al-Qaradhawi, 2010:5-10).

Sehubungan itu, dalam konteks hari ini, penggunaan *wasatiyyah* turut diperluaskan kepada aspek perundangan atau pemerintahan. Di Malaysia misalnya, dalam merealisasikan Gagasan 1 Malaysia, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) telah ditubuhkan untuk mengetengahkan pendekatan kesederhanaan ataupun *wasatiyyah* dalam mengemudi umat dan negara ini bagi menghadapi cabaran pada masa yang akan datang (Mustaqim, 2012). Selaras dengan itu, pertubuhan ini juga bertujuan untuk memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah, serta keadilan sosial (Jamaluddin Aziz, 2012).

APLIKASI MANHAJ WASATIYYAH DALAM FENOMENA SINKRETISME

Dalam menghadapi fenomena sinkretisme yang berlaku dalam masyarakat Bajau, terdapat dua golongan yang berbeza dalam menangani isu ini. Ada golongan yang menerima baik unsur sinkretisme dalam agama dan ada golongan yang menolak terus unsur sinkretisme dalam agama khususnya apabila diaplikasikan dalam adat masyarakat setempat.

Golongan yang pertama adalah golongan yang menolak fenomena sinkretisme secara total. Golongan ini berusaha untuk mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna dan bersikap berhati-hati dalam berinteraksi dengan adat tradisi Bajau terutamanya yang berbentuk syirik, tasyul mahu pun khurafat. Pegangan bagi golongan ini ialah al-Qur'an dan al-Sunnah sudah cukup sempurna untuk diikuti dan diamalkan. Oleh yang demikian, segala ritual tertentu yang tidak terdapat nas al-Qur'an mahu pun al-Sunnah tidak perlu diamalkan bahkan haram untuk dilakukan kerana ia termasuk dalam perkara bidaah. Justeru, segala tokok tambah dalam adat masyarakat Bajau Semporna yang tiada nas menyatakan keharusannya, ia wajib ditinggalkan agar pelaku individu muslim Bajau tidak terjebak kepada perkara syirik mahu pun bidaah.

Golongan yang kedua pula adalah golongan yang menerima unsur-unsur sinkretisme kerana beranggapan adat dan Islam itu tidak boleh dipisahkan. Oleh yang demikian, upacara-upacara tertentu boleh diamalkan tetapi diselitkan dengan ajaran-ajaran Islam. Fenomena ini dapat dilihat khususnya dalam kepercayaan tradisi seperti yang berlaku dalam amalan tradisi *magombo*'. *Magombo*' merupakan amalan orang Bajau untuk memuja roh leluhur nenek moyang dengan tujuan memohon rahmat dan kesejahteraan hidup (Halina, 2007). Masyarakat Bajau percaya bahawa roh leluhur nenek moyang mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Istilah lain yang sinonim dengan *magombo*' ialah *magmatalau* (Yap, 1993), *hinang kok taun* (Saffie, 2012), *magpaii- bahau* dan *magduwata* (Hanafi Hussin, 2008). Bangsa Bajau sejak zaman pra sejarah telah memiliki kepercayaan animisme iaitu suatu kepercayaan tentang adanya roh atau jiwa pada sesuatu benda, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan juga pada manusia itu sendiri. Dengan adanya kepercayaan tersebut, masyarakat Bajau percaya di dunia ini, selain Allah SWT, roh nenek moyang juga mampu untuk memberi manfaat atau mudarat kepada mereka. Justeru, amalan *magombo*' terus diamalkan namun diselitkan dengan ajaran Islam seperti bacaan doa selamat selepas mengamalkan upacara *magombo*' (Yap, 1993).

Unsur-unsur sinkretisme bukan sahaja kelihatan dalam adat *magombo*', namun ia kelihatan dalam adat tradisi yang lain khususnya yang berkait rapat dengan kepercayaan tradisi seperti kepercayaan kepada jin, semangat, keramat, bomoh, ilmu sihir, perkara ghaib dan sebagainya. Dalam amalan-amalan tersebut, hakikatnya berlaku fenomena sinkretisme tanpa disedari. Begitu juga dengan adat-adat masyarakat Bajau yang lain bermula proses kehamilan-kelahiran, perkahwinan hingga kematian terdapat beberapa unsur sinkretisme yang telah bercampur antara tradisi masyarakat Bajau dengan ajaran Islam.

Sebagai langkah penyelesaian, dalam interaksi dengan kebudayaan masyarakat setempat Bajau, hukum Islam tidak bersifat menolak semua sekali budaya Bajau yang sudah dihayati oleh masyarakat. Fakta ini jelas diperakui seperti yang terdapat dalam kaedah usul al-fiqh yang mana 'urf iaitu suatu asas budaya yang paling kukuh telah diterima sebagai salah satu sumber hukum Islam (al-Tufi, 1954). *Manhaj wasatiyyah* yang dimaksudkan dalam hal ini ialah dalam menghadapi budaya setempat yang berlaku campur aduk antara budaya dan agama, Islam bukanlah agama yang menolak secara total budaya setempat masyarakat Bajau dan bukan juga menerima secara total segala adat dan budaya Bajau sebelum menganut agama Islam. Sikap selektif terhadap budaya perlu dilakukan dan disertakan dengan tapisan yang rapi agar adat-adat yang diamalkan bersesuaian dengan prinsip-prinsip tauhid. Ini terbukti dengan fakta kedatangan Islam ke tanah Arab telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi ia telah menerima dan mengekalkan banyak budaya yang sedia ada namun hasil daripada sintesis budaya dan penerapan dengan nilai-nilai Islam (S. Waqar Ahmad Husaini, 1980). Namun demikian, dalam menangani isu sinkretisme dalam masyarakat Bajau, terdapat *manhaj wasatiyyah* yang perlu diambil kira khususnya oleh sarjana tempatan khususnya sarjana sosiologi hukum Islam dalam mengintimbath hukum yang berkaitan dengan adat dan tradisi masyarakat Bajau. *Manhaj wasatiyyah* ini dilihat dalam dua perkara iaitu sama ada dalam perkara yang menyentuh akidah orang Bajau atau dalam perkara yang menyentuh adat masyarakat Bajau bermula kelahiran hingga kematian.

APLIKASI MANHAJ WASATIYYAH DALAM ASPEK AKIDAH

Merujuk kepada perkara akidah, sumber akidah Islam hanya merujuk kepada dua perkara sahaja iaitu al-Quran dan al-sunnah (Baghawi, t.t). Terdapat banyak perkara yang berkait rapat dengan akidah orang Bajau sama ada perkara tersebut dalam ruang lingkup perkara *ilahiyyat* (keimanan kepada Allah SWT), dan perkara *samiyyat* (perkhabaran-perkhabaran ghaib). Masyarakat Bajau sangat percaya kepada kewujudan perkara-perkara ghaib. Ini terbukti seperti yang terdapat dalam kepercayaan tradisi Bajau yang mana ia banyak melibatkan kepercayaan kepada roh, semangat, keramat, ilmu sihir dan sebagainya. Ini bukanlah suatu perkara yang luar biasa kerana masyarakat Bajau sebelum menganut agama Islam merupakan penganut fahaman animis.

Berkaitan dengan saki-baki kepercayaan animisme masyarakat Bajau Semporna, kepercayaan dalam perkara *ilahiyyat* menjadi tidak murni dan utuh kerana bercampur-baur dengan kepercayaan kuasa selain daripada Allah SWT seperti kepercayaan kepada benda-benda keramat, roh nenek moyang yang dianggap mampu memberi manfaat dan mudarat, barang-barang tertentu dianggap mampu memiliki berkat atau membawa tulah, dan sebagainya. Dalam perkara *ilahiyyat* ini, tidak terdapat *manhaj wasatiyyah* kerana perkara akidah bukanlah perkara yang boleh bertasamuh (berlapang dada) kerana ia melibatkan keimanan dan juga keesaan Allah SWT. Menurut Hamka (1965) surah al-Kafirun merupakan dalil yang konkret menunjukkan bahawa tauhid dan syirik tidak dapat diharmonikan kerana akidah tauhid tidak boleh bercampur-baur (sinkretisme) dengan kepercayaan animisme misalnya seperti peyembahan kepada berhala dengan solat, penyembelihan binatang dengan tujuan pemujaan dengan membaca *basmalah* dan seumpamanya. Menurut Zulkifli (2016), penyatuan antara Islam dan bukan Islam hanya boleh berpaksikan kepada prinsip semangat kemanusiaan (*insaniyyah/humanity*), dan bukannya kepada prinsip kefahaman *creedal nation* (*al-ummah al-aqidiyyah*). Oleh itu, tiada konsep toleransi dan kompromi dalam soal *ilahiyyat*. Perbahasan *ilahiyyat* tidak sama dengan perbahasan fiqh yang mempunyai kepelbagaiannya pendapat sama ada *rajih* atau *marjuh*. Perbahasan *ilahiyyat* merupakan satu *iktikad* dan fahaman yang *jazam* iaitu pasti dan *qat'i* tanpa syak.

Selain itu, *manhaj wasatiyyah* dalam perkara *samiyyat* atau *ghaibiyyat* pula merujuk kepada *manhaj* pertengahan iaitu tidak melampau sehingga mencari dan membongkar hakikat sebenar perkara-perkara *samiyyat* tersebut serta tidak terlalu longgar sehingga menolak kewujudan perkara *samiyyat* secara total. Kedua-dua pendekatan yang melampau ini ditolak kerana ia mampu membawa kepada kerosakan akidah. Tidak dinafikan kewujudan roh, semangat, keramat, ilmu sihir dan sebagainya mampu mempengaruhi kehidupan bersosial masyarakat Bajau. Namun sejauh mana ia mempengaruhi harus dinilai dan diselidiki sebelum ia terus diamalkan. Sebagai contohnya, terdapat dalam kalangan masyarakat Bajau yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib yang dikenali dengan istilah *kelamat*. Golongan ini dipercayai dipilih sebagai perantara antara alam manusia dan alam ghaib (Mokhtar, 2015). Oleh itu, apabila berlaku sesuatu penyakit yang dikaitkan dengan jin, golongan ini dianggap sesuatu yang istimewa kerana dipercayai mampu mengubati sesetengah penyakit dan kemalangan yang disebabkan oleh perbuatan makhluk halus atau iblis Menurut penelitian pengkaji dalam isu kepercayaan tradisi Bajau, ia banyak bersangkut paut dengan unsur-unsur khurafat dan juga syirik. Oleh yang demikian, dalam hal ini tidak wujud *manhaj wasatiyyah* kerana toleransi hanya berada dalam bidang fiqh bukannya yang berkaitan dengan akidah.

APLIKASI MANHAJ WASATIYYAH DALAM ASPEK ADAT MASYARAKAT

Berhubung kait dengan adat masyarakat Bajau Semporna sama ada bermula daripada proses kehamilan, kelahiran hingga kematian, *manhaj wasatiyyah* dapat diaplikasikan. Hubungan timbal balik antara adat dan ibadat dalam masyarakat Bajau Semporna perlu dinilai dan diteliti agar membuktikan Islam itu meraikan adat bukannya agama yang jumud menolak secara membuta tuli segala adat Bajau sebelum kedatangan Islam. Namun dalam hal ini, perkara yang perlu diteliti ialah unsur ibadah dalam adat Bajau, atau unsur adat dalam ibadah.

Salah satu bukti *manhaj wasatiyyah* dalam menangani fenomena sinkretisme adalah dalam adat kematian sebagai contohnya. Dalam masyarakat Bajau, selepas mayat dikebumikan, masyarakat Bajau Semporna biasanya akan mengadakan kenduri untuk memperingati tarikh kematian si mati. Kenduri tersebut akan diadakan pada hari ketujuh, ke-20 (*bahangi dua mpu*’), hari ke-40 (*bahangi empat mpu*’) dan hari keseratus (*bahangi dahatus*) (Hajim Ispal, 2010). Bagi masyarakat Bajau sebelum kedatangan Islam, kenduri arwah biasanya diadakan untuk menjamu roh si mati yang menurut kepercayaan mereka pulang ke rumahnya pada hari-hari berkenaan (Hussin Hassan, 2015). Dengan kedatangan Islam, kepercayaan ini ditolak dan sebagai gantinya ia ditukar kepada menjamu makanan kepada kaum keluarga, jiran tetangga, saudara mara dengan niat untuk bersedekah kepada si mati. Kenduri ini juga bercorak islamik apabila dalam majlis tersebut diadakan bacaan surah yasin, zikir tahlil dan doa khusus pada si mati. Walaupun secara dasarnya, ibadah ini seakan-akan tokok tambah daripada yang terdapat dalam al-Quran dan al- Sunnah, namun ia merupakan hasil daripada proses adat yang telah diislamisasikan. Walaupun pada asalnya adat kenduri arwah ini merupakan asal kepercayaan animisme, namun ia berjaya diislamisasikan. Di sinilah yang disebut dalam ilmu antropologi sebagai transformasi budaya. Sebab utama tujuan mengadakan kenduri arwah yang asalnya berkait rapat dengan fahaman animis telah bertukar kepada konsep ibadah dengan matlamat supaya memberi manfaat kepada si mati (Anisah, 2006).

Contoh lain juga dapat dilihat seperti yang terdapat dalam adat kehamilan-kelahiran. Dalam masyarakat Nusantara termasuk masyarakat Bajau, terdapat beberapa pantang larang berhubung ibu yang mengandung ketika dalam kandungan (Mohd Anuar & Syamsul Azizul, 2014: 35). Antaranya, ibu yang mengandung tidak boleh melihat mayat atau mengunjungi tempat berlakunya kematian, ibu yang hamil dan suaminya tidak boleh menyembelih atau mencederakan sebarang haiwan kerana dikhuatiri berlakunya kenan, ibu yang hamil dilarang berjalan malam kerana didakwa akan diekori iblis yang boleh mengancam nyawa si ibu dan kandungannya, ibu yang baru lepas melahirkan anak kena berpantang selama 44 hari dan sebagainya (Naelah Pandala, 2015). Banyak pantang larang ini bersangkut paut dengan kepercayaan. Kesemua pantang larang ini sebenarnya telah lama wujud dalam masyarakat Bajau dan banyak dipengaruhi oleh fahaman animis. Dalam hal ini, *manhaj wasatiyyah* yang diaplikasikan adalah dengan melihat segala pantang larang yang boleh membawa kepada kebaikan dan membina akhlak peribadi yang baik tidak harus diketepikan malah wajar untuk diamalkan. Namun, pantang larang yang berkaitan dengan kepercayaan kepada jin atau semangat harus ditolak dan diketepikan agar terhindar daripada perkara syirik mahu pun khurafat. Contohnya, amalan berpantang selama 44 hari sebenarnya ada kaitan dengan darah nifas. Lazimnya tempoh nifas adalah dalam 40 hingga 60 hari. Dalam tempoh nifas, adalah dilarang untuk bersetubuh atau beribadat. Dalam hal ini, pantang larang tersebut selari dengan

kehendak syarak (Jawiah Dakir, 2010).

Hal yang sama turut berlaku dalam adat perkahwinan. Dalam perkahwinan masyarakat Bajau Semporna, banyak adat yang telah berlaku campur aduk antara adat tempatan dengan ajaran Islam atau pengaruh daripada fahaman animis dan Hindu Buddha. Adat merisik, adat meminang dan adat bersanding kesemuanya mengalami fenomena sinkretisme. Adat bersanding sebagai contohnya merupakan adat yang berasal dari Hindu yang telah meresap ke dalam budaya Melayu mahu pun budaya Bajau. Hal ini bukanlah suatu yang luar biasa memandangkan pengaruh Hindu merupakan fahaman yang terawal selepas animisme yang datang ke Asia Tenggara dan bercampur dengan adat setempat (Ismail, 1991). Namun begitu, tidak semua pengaruh daripada bukan Islam itu harus ditinggalkan. Sama seperti adat-adat yang terdapat dalam masyarakat Bajau, *manhaj wasatiyyah* perlu diaplikasikan dengan penapisan yang rapi agar unsur sinkretisme dalam adat tersebut selari dengan ‘urf sahih menurut perspektif Islam. Menurut Malik Bennabi (1985), kebudayaan yang diwarisi sebelum Islam sama ada dari aspek ibadat atau muamalah boleh diamalkan dengan syarat tidak wujud pertentangan antara ajaran Islam dengan adat tradisi lama hingga menyebabkan perubahan dan penukaran pada ajaran Islam.

Ringkasnya, dalam perkara yang bersangkut paut dengan adat masyarakat Bajau Semporna, *manhaj wasatiyyah* dalam hal ini ialah Islam tidak menolak segala penambahan dalam adat selagi tiada unsur khurafat, syirik mahu pun bidaah yang tercela dalam sesuatu adat tersebut. Pengambilkiraan budaya tempatan Bajau yang baik walaupun ia merupakan saki baki animisme perlu dinilai dan diteliti semula agar penetapan hukum berlandaskan budaya masyarakat dapat diterima. Pendek kata, walau ia merupakan isu yang telah lama diamalkan dalam masyarakat Muslim-Bajau, namun pendekatan yang berdasarkan ijtihad kontemporari wajar diaplikasikan agar ia dapat ditentukan hukum dengan lebih adil dan keharmonian masyarakat tidak terganggu (Muhammad Ikhlas et al., 2016).

KESIMPULAN

Secara konsep dan teori, sinkretisme bukanlah suatu bentuk pemikiran yang membawa ideologi baru, tertentu dan khusus terhadap sesuatu aspek. Sebaliknya, ia merujuk kepada fenomena percampuran dan pembauran beberapa bentuk pemikiran atau falsafah atau agama yang bersifat tertentu. Sinkretisme dalam adat resam Bajau secara mudahnya dapat difahami „campur aduk“ antara syariat Islam dan adat resam pra Islam Bajau. Pada hari ini, rata-ratanya adat yang diamalkan oleh orang Bajau banyak mengalami perubahan. Dari asalnya animisme atau Hindu-Buddha, ia mampu diserapkan unsur-unsur Islam agar tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hakikatnya, asimilasi ajaran Islam dan adat resam Bajau tidak mengalami perubahan secara total. Walaupun ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup, namun dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau. Justeru, fenomena sinkretisme dalam adat masyarakat Bajau sangat menarik untuk dikaji dan diselidiki sama ada fenomena ini membawa kepada fenomena sinkretisme positif yang diterima oleh Islam kerana termasuk dalam ‘urf sahih atau ia tergolong dalam sinkretisme negatif yang boleh disandarkan kepada ‘urf fasid dalam hukum Islam. *Manhaj wasatiyyah* perlu diaplikasi dalam menangani fenomena sinkretisme dalam masyarakat Bajau agar metode golongan reformis yang menentang adat tradisi tanpa memberi

ruang yang sewajarnya kepada adat tradisi untuk terus diamalkan. Sewajarnya sinkretisme ini perlu ditangani dengan *manhaj wasatiyyah* dengan memberi perspektif yang lain terhadap sinkretisme serta memberi cadangan alternatif bagaimana adat ini terus berlangsung dan selari dengan kehendak syarak.

Walaupun begitu, penerimaan sesuatu budaya secara membuta tuli tanpa melakukan analisis kritis bukanlah suatu tindakan yang bijak. Begitu juga sebaliknya. Penolakan bulat-bulat segala unsur asing tanpa pemeriksaan dan penelitian rapi hanya akan merugikan masyarakat jika terdapat nilai yang positif dan baik. Hal yang sama berlaku dalam fenomena sinkretisme dalam masyarakat Bajau Semporna. Penerimaan sesuatu perkara yang berhubung adat resam berlandaskan budaya ilmu dan syariat Islam adalah sangat penting. Seterusnya menjadi kewajaran kepada umat Islam khususnya masyarakat Bajau mengambil iktibar agar sinkretisme ini menjadi seperti pepatah “yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan” mengikut nilai-nilai baik dan buruk yang digariskan dalam syariat Islam.

PENGHARGAAN

Kajian ini dihasilkan di bawah dana Projek Penyelidikan Postgraduate Research Grant (2014B) yang bertajuk “Fenomena Sinkretisme Dalam Adat Masyarakat Bajau: Kajian Perbandingan Di Daerah Pantai Timur Dan Pantai Barat Sabah (PG107-2014B).

RUJUKAN

- Abdullah Md Zin. (2013). *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia
- Abdul Rahman Abdullah. (1989). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Abdullah Muhammad b. Sa'd al-Khanin. (t.t). *Athar al-Fatwa fi Ta'kid Wasatiyyah al-Ummah*.
- Anisah Ab. Ghani & Saadan Man. (2006). Nilai-nilai Adat dan Budaya dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu. Dlm. Md. Saleh Mohd et al. (Ed.). *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. (2010). *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Cross, F.L. (1997). *The Oxford Dictionary of the Christian Church*. New York: Oxford Press.
- Eshah A. Wahab. (2012). Unsur-Unsur Agama, Ritual dan Sinkretisme Masyarakat Bajau Omadal. *Kertas kerja International Seminar On Community Development*, 7-9 April 2012, Universiti Malaysia Terengganu.
- Gusni Saat. (2003). *Komuniti Samah Bajau di Bandar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hajim Ispal. (2010). Adat dan Ritual Kematian Suku Bajau Kaum Omadal. Dlm. Saidatul Nornis Mahali (Eds.). *Adat Dan Ritual Kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2007). Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya. *Kertas Kadangkala*, Bil.7, Universiti Malaysia Sabah.
- Hamka. (1965). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pembimbing Masa.
- Hanafi Hussin. (2008). Magpaii-Bahau: Reunion Between Living and Dead among Bajau

- Community of Semporna, Sabah, Malaysia. Dlm. Hanafi Hussin. (Ed.) *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*. Kuala Lumpur: University of Malaya, Institute of Ocean and Earth Sciences.
- al-Hasan, Khalawi al-Mukhili. *Al-Wasat wa Mazahir al-Wasatiyyah fi al-Quran al-Karim. Majalah al-Jami'ah al-Islamiyyah Madinah al-Munawarah*, 54-102.
- Hasyim, Ahmad Umar. 1998. *Wasatiyyah al-Islam*. Kaherah: Dar al-Rasyad.
- Heddy Shri Ahimsa Putra. (1995). Islam Jawa dan Jawa Islam :Sinkretasi Agama di Jawa. *Kertas kerja Makalah Seminar Tentang Kharisma Warisan Budaya Islam di Indonesia*. Yogjakarta: t.p.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaluddin Aziz. (2012). *Institut Wasatiyyah Tolak Ekstremisme*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. (2010). *Sunnah dan Bidaah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.P Tabrett. (1999). The Founding of Semporn. *Jurnal Sabah Society*, jilid 16, h. 57-60.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (t.th). Fiqh Malaysia Konsep dan Cabaran. Dlm. Paizal Ismail & Ridzwan Ahmad (Eds.). *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Ramli & Syamsul Azizul Marinsah. (2014). Kepercayaan Kenan Dalam Masyarakat Melayu-Islam: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Manusia & Masyarakat*, Jilid 25 2014, h. 33-51.
- Md Saffie Abd. Rahim, Wan Shawaluddin Wan Hassan Ramli Dollah & Ab. Nasir Roslan. (2012). Kegiatan Ekonomi. Dlm. Md Saffie Abd Rahim (Eds.). *Bajau Pantai Timur*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Yusof Jalil. (1979). *Sabah: Matinya Parti Berjaya*. Kuala Lumpur: Publisher.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Anuar Ramli, Mohamad Zaim Isamail. (2016). Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13(2016): 53-66.
- Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al- Duwaliyyah.
- Munawi, Muhammad Abd Rauf. (1990). *Al-Tawfiq 'ala Muhimmat l-Takrif, Mu'jam Lughawiy Musthalahiy*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhsin Adekunle Balogun. (2011). Syncretism Belief and Practices Amongs Muslims in Lagos State Nigeria; With Special Reference to the Yoruba Speaking People of Epe. *Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan*. School of Philosophy, Theology and Religion, The University of Bringham.
- Mustaqim. (2012). 24 Januari. *Penubuhan Institut Wasatiyyah*. Utusan Malaysia.
- Niels Mulder. (1999). *Agama, Hidup Sehari-hari dan Perubahan Budaya*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- al-Qaradawi. (2010). *Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al- Sahwah.
- Ros Aiza Mokhtar & Che Zarina Sa'ari. (2015). Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Afkar*, 17 (2015): 54.
- Saidatul Nornis Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- al-Sha'rawi, Sheikh al-Mutawalli. (1997). *Tafsir al-Sha'rawi*. Jil. 1. Mesir: Akhbarul Yaum.
- Syamsul Azizul Marinsah. (2013). Amalan Tradisi dalam Masyarakat Bajau di Semporna

- Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Farhan Md Ariffin & Mohd Anuar Ramli. (2016). Amalan Tradisi Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Kajian Menurut Hukum Islam. *Jurnal Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(2015): 135-149.
- Syamsul Azizul Marinsah. (2017). Unsur Sinkretisme dalam ‘Urf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. Tesis Kedoktoran. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Syed Othman S. Omar. (1998), 20 Jun. Kritikan Melayu. *Kertas kerja yang disampaikan dalam Wacana Sastera Pidato Umum Karyawan Tamu dan Diskusi Novel "Suara Yang Hilang"*, Kuala Lumpur.
- S. Waqar Ahmad Husaini. (1980). Islamic Environmental system Engineering. London: t.tp. Tregonning, K.G, (1964). *A History of Modern Sabah* (North Borneo, 1881-1963). Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- al-Tufi. (1954). *Risalah fi al-Maslahah. Kaherah: Dar al-Ma’arif. Wahbah al-Zuhayli*. (1991). *Tafsir al-Munir*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid. 1998. *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William L. Reese. (1980). *Dictionary of Philosophy and Religion*. New Jersey: Humanities Press Inc.
- Yap, Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri & Mohd Aizam Mas’ud. (2012). Wasatiyyah dalam Akidah. *Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Fiqh Ummah*. Kuala Lumpur: PWTC.
- Zulkifli al-Bakri. (2016) Bayan Linnas Siri Ke-81: “Hukum Mengucapkan “Merry Christmas” Kepada Mereka yang Beragama Kristian,” laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Akses pada 1 Januari 2017, dicapai dari www.muftiwp.gov.my.

Temu Bual

- Datuk Melali bin Hj. Malik. 15 Oktober 2015 di Kg. Tagasan Semporna Sabah.
Hj. Mokhtar bin Hj. Mursidi. 13 September 2015 di Kg. Batu dua Semporna Sabah.
Hjh. Naelah bt. Pandala. 6 Februari 2015 di Kg. Kabogan Semporna.
Hj. Hussin bin Hj. Hassan. 19 September 2015 di Kg. Bugaya Semporna Sabah.